

Kesahan dan Kebolehpercayaan Intervensi Modul Kaunseling Rasional Emosi Tingkah Laku

(Validity and Reliability of Rational Emotive Behaviour Module Intervention)

NORHANIM ALWI & AZEMI SHAARI

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

Universiti Utara Malaysia

E-mel: norhanim1515@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bagi memahami intervensi modul kaunseling Teori Rasional Emosi Tingkah laku (REBTM) dan mengaplikasi proses penilaian kesahan kandungan draf modul REBTM serta kebolehpercayaan modul sebelum boleh digunakan dalam kajian sebenar. Dalam kajian ini modul REBTM akan digunakan bagi merawat akhlak sosial negatif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Modul kaunseling Teori Rasional Emosi Tingkah laku (REBTM) adalah berdasarkan pendekatan sistem ABCDEF yang diasaskan oleh pelopor teori REBT, Albert Ellis. Seramai enam orang pakar iaitu pensyarah dalam bidang kaunseling dan pengamal REBT dalam teori REBT dan pembinaan modul dilantik sebagai pakar penilai untuk menentukan kesahan kandungan. Manakala 30 orang pelajar menjalani ujian rintis Modul REBTM dan menjawab soal selidik kebolehpercayaan modul. Modul REBTM mempunyai sembilan sesi melibatkan tiga aktiviti latihan kognitif. Hasil kesahan kandungan menunjukkan modul ini mendapat indeks pekali .81 iaitu pada aras yang baik. Manakala keputusan pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach menunjukkan pekali .92. Penggunaan modul ini diharap dapat mengurangkan akhlak negatif dalam kalangan pelajar. Modul ini diharap dapat menjadi panduan serta rujukan oleh semua pihak dalam membantu menangani masalah akhlak negatif.

Kata kunci: *Modul Kaunseling REBTM, Teori Kaunseling Rasional Emosi Tingkah laku (REBT), akhlak sosial.*

Abstract

This study was conducted to understand the counseling intervention module of Rational Emotive Behavior Theory (REBTM) and to apply the content validity's process of the draft before REBTM module can be used in the actual study. In this study, REBTM module will be used for the treatment of negative social morality behavior among secondary school's student. REBTM module

is based on ABC system founded by pioneer REBT theory, Albert Ellis. A total of six experts in the field of counseling and counselors trained in this theory were appointed as expert evaluators. Meanwhile, the result of reliability test is Alpha Cronbach .92. The use of the module is expecting to reduce negative behavior among adolescents and to be use as a guidance and reference by all parties in order to help address the problem of negative social morality behavior.

Keywords: REBTM Intervention Module, Rational Emotive Behavior Theory (REBT), social morality behavior.

Pengenalan

Menurut Asmawati Suhid (2012), masalah keruntuhan akhlak pelajar semakin meningkat dan memerlukan perhatian semua pihak. Pelajar adalah pewaris masa depan negara, pencapaian akademik yang baik sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan mereka modal insan yang hebat (Azizi Yahaya & Yusof Boon, 2007). Menurut beberapa kajian, keruntuhan akhlak yang berlaku di rumah dan dalam masyarakat akan membawa kepada masalah disiplin di sekolah (Azizi Yahaya, 2009; Baharom Mohamad & Ali Suradin, 2011). Pernyataan Asmawati Suhid (2012) menepati Jadual 1, yang menunjukkan bilangan penghuni pusat pemulihan akhlak di seluruh negeri berdasarkan laporan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2012 hingga tahun 2015.

Jadual 1

Bilangan Penghuni Pusat Pemulihan Akhlak

Tahun	Kumpulan Umur Tahun			Jumlah	Peratusan 18tahun dan ke bawah
	Bawah 15 Tahun	<15>18 Tahun	>18<21 Tahun		
2012	41	245	257	543	52.67
2013	16	163	168	347	51.59
2014	32	243	328	605	45.79
2015	41	229	164	534	50.56
Jumlah	158	1169	1299	2626	50.53

(Sumber: Buletin Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2012-2015))

Peningkatan masalah akhlak akan menyumbang kepada masalah disiplin di sekolah. Dapatan ini selari dengan Jadual 2, yang menunjukkan bilangan kes disiplin di institusi sekolah dalam Malaysia.

Jadual 2

Bilangan Kes Disiplin Pelajar pada Tahun 2011, 2012 dan 2013

Salah laku	2011	%	2012	%	2013	%
Berunsur Jenayah	19997	0.35	19453	0.35	17519	0.32
Kelucahan	3799	0.05	3139	0.04	2915	0.05
Kurang Sopan	23215	0.43	22922	0.42	20809	0.38
Laku Musnah	3635	0.06	3939	0.07	3978	0.07
Ponteng Sekolah	21135	0.39	20364	0.37	20287	0.37
Kenakalan	8529	0.16	8524	0.16	9798	0.18
Tidak Pentingkan Masa	18349	0.34	16315	0.30	17867	0.34
JUMLAH	13557	2.20	112376	2.18	111979	2.16

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan permasalahan akhlak pelajar kepada perlakuan kurang sopan terhadap individu di sekeliling mereka seperti guru, ibu bapa, adik beradik dan rakan sebaya. Menurut Baharom Mohamad dan Ali Suradin (2011) pelajar yang mempunyai akhlak negatif di rumah seperti bergaduh dengan adik beradik dan tidak menghormati serta melawan ibu bapa cenderung menghadapi masalah disiplin melibatkan individu lain di sekolah.

Manakala menurut Norliza Hussin dan Khadijah Abd Razak (2013), masalah peribadi dengan ahli keluarga di rumah akan mempengaruhi tingkah laku disiplin, pencapaian akademik dan psikologi pelajar semasa di sekolah. Malahan terdapat kes disiplin yang berlaku semenjak di sekolah rendah seawal usia dua belas tahun (Mohd Yusof Ali, 2010). Laporan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (2013), menyatakan pelajar sekolah rendah membuli rakan baru sehingga mencederakan pelajar tersebut menunjukkan salah satu masalah disiplin yang mencerminkan keruntuhan akhlak pelajar. Pelajar yang diharapkan menjadi bakal pemimpin sebaliknya menunjukkan tingkah laku akhlak yang tidak sepatutnya.

Masalah akhlak seperti melawan guru, tidak menghormati ibu bapa, bercakap bohong sudah pasti akan membawa kepada masalah disiplin yang lebih serius seperti buli, ponteng sekolah, penagihan dadah, pembuangan bayi, mencuri, merompak, lumba haram, memukul guru, membuli rakan, gengsterisme, jenayah kekerasan serta pelbagai lagi (Lailawati Madlan, 2013;

Saralah Devi Mariamdarani, 2013). Tugas mengendalikan pelajar bermasalah akhlak tidak boleh diserahkan kepada guru disiplin semata-mata menggunakan pendekatan hukuman rotan kerana ia tidak menjamin perubahan sikap dan celik akal pelajar secara kekal (Mastura Mahfar, 2011). Peranan kaunseling untuk membentuk akhlak positif diharapkan dapat membantu mengubah disiplin pelajar melalui proses bimbingan dan mengenal pasti punca masalah dengan lebih telus. Adalah diharapkan dengan mengaplikasikan penggunaan modul berdasarkan teori yang tersusun dan berstruktur kejayaan matlamat proses kaunseling dapat dicapai dan berjaya mengubah akhlak serta tingkah laku disiplin pelajar ke arah lebih positif.

Kajian ini merupakan sebahagian usaha pengumpulan ulasan karya di peringkat awal penyelidikan peringkat PhD yang berkaitan dengan Intervensi Modul Kaunseling Teori Rasional Emosi Tingkahlaku (REBTM). Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

- i) Menilai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan modul REBTM
- ii) Mengetahui intervensi modul REBTM

Metode Kajian

Metod kajian adalah menggunakan kajian keperustakaan dan sorotan literatur bagi mengkaji kesesuaian teori serta teknik yang tepat. Bagi mengaplikasikan proses penilaian kesahan kandungan, pengkaji melantik enam orang pakar iaitu pensyarah kaunseling dan kaunselor dalam bidang teori REBT dan pembinaan modul untuk menjalankan proses penilaian bagi tujuan penambahbaikan serta memperbaiki mutu modul ini agar dapat digunakan dalam kajian sebenar.

Sebelum proses melantik pakar penilai untuk draf modul, pengkaji menghantar surat tawaran untuk menjadi pakar penilai kepada sembilan orang pensyarah kaunseling dan kaunselor bertauliah. Setelah menerima persetujuan hanya dari enam orang pakar, pengkaji menghantar satu set draf modul yang lengkap dan satu soal selidik kesahan kandungan untuk dinilai kepada keenam-enam pakar tersebut. Setelah sebulan, empat pakar mengembalikan borang soal selidik kesahan kandungan secara pos dan dua lagi memilih untuk berbincang secara bersemuka untuk hasil penilaian.

Setelah mengubah suai draf modul mengikut penilaian dan nasihat pakar, borang skor untuk kesahan kandungan dikembalikan semula kepada pengkaji. Terdapat lima item dalam borang soal selidik kesahan kandungan iaitu item pertama kesesuaian kandungan modul menepati sasaran populasi yang ingin disasarkan, item kedua tahap kemampuan kandungan modul dilaksanakan dengan sempurna, item ketiga pelaksanaan kandungan modul

sesuai dengan masa yang diperuntukan, item keempat kemampuan kandungan modul untuk meningkatkan akhlak sosial pelajar dan yang terakhir adakah kandungan modul boleh mengubah sikap pelajar ke arah lebih cemerlang. Soal selidik kesahan kandungan menggunakan skala Likert lima mata iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), tidak pasti (3), Setuju (4) dan sangat setuju (5). Manakala untuk menentukan kebolehpercayaan modul, pengkaji membangunkan satu set soal selidik yang mewakili komponen dalam modul ini. Setiap item dibina berdasarkan objektif modul serta langkah- langkah untuk setiap aktiviti yang dicatatkan dalam modul.

Dapatan Kajian

Dalam proses menentukan kesahan kandungan modul yang dinilai oleh pakar formula dalam Rajah 1 digunakan. Menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005) modul yang mempunyai kesahan kandungan yang baik perlu mendapat markah 70% keatas dan jika sebaliknya modul tersebut perlu diperbaiki dan dinilai semula. Berdasarkan formula tersebut jumlah skor yang diberikan oleh pakar berdasarkan skala Likert akan dijumlahkan dan dibahagi dengan skor maksimum iaitu 25 dan didarabkan dengan 100 untuk mendapat peratusan penilaian pakar. Nilai peratusan ini kemudiannya diubah dalam bentuk perpuluhan dengan 100 peratus kepada 1.00 dan 0 peratus kepada 0.00 untuk menyerupai nilai pekali kolerasi. Kesemua nilai dikumpulkan dan diproses dengan menggunakan perisian SPSS versi 20. Manakala bagi menentukan kebolehpercayaan modul, data dari soal selidik dikumpulkan dan dianalisa menggunakan program *reliability* model alpha.

$\frac{\text{Jumlah Skor dari Pakar}(X)}{\text{Skor Minimum (25)}} \times 100 \% = \text{Pencapaian Kesahan Kandungan}$

Rajah 1

Formula Kesahan Kandungan Modul


Definisi Intervensi Kaunseling

Intervensi dalam kaunseling merujuk kepada satu proses perhubungan menolong secara bersemuka antara kaunselor dengan klien. Dalam kajian ini, intervensi kaunseling yang digunakan adalah berbentuk kaunseling kelompok. Pengkaji menggunakan intervensi melalui pendekatan kaunseling kelompok kerana kaunseling kelompok merupakan proses perhubungan antara individu yang saling menyokong, bantu membantu dan dinamik dalam menjayakan perubahan positif, percaya mempercayai, penerimaan tanpa syarat antara ahli dan saling memahami antara satu sama lain (Corey, 2009).

Manakala Ellis (2011), menyatakan kaunseling kelompok merupakan interaksi antara dua atau lebih individu dalam kelompok yang mempunyai matlamat yang sama seperti masalah pembelajaran, kerjaya, masalah peribadi atau sosial. Ia mementingkan perhubungan antara ahli kelompok iaitu saling bekerjasama berkongsi masalah, pemikiran dan perasaan. Isi dan fokus perbincangan ditentukan oleh ahli kelompok yang terdiri daripada individu dalam kelompok. Kaunseling kelompok menggalakkan ahli kelompok berkongsi pendapat dan pengalaman antara satu sama lain dan mewujudkan suasana percaya mempercayai dalam kelompok (Corey, 2009).

Aplikasi Teori REBT dalam Modul REBTM

Dalam kajian ini pendekatan Modul Kaunseling REBTM adalah berasaskan Teori REBT menggunakan Model ABC oleh Ellis (2011). Huraian tentang konsep model ini adalah seperti berikut:



Sumber: Corey, 2009

Rajah 2

Model ABC dalam Teori REBT

Huraian bagi model ABC adalah seperti berikut:

- A** peristiwa yang berlaku atau sesuatu fakta yang wujud.
- B** kepercayaan/pemikiran seseorang individu terhadap peristiwa tersebut yang menyebabkan timbul masalah dan gangguan emosi sama ada rasional atau tidak rasional.
- C** kesan dari kepercayaan tersebut.
- D** peranan kaunselor untuk menghapuskan kepercayaan tidak rasional tersebut dan digantikan dengan kepercayaan yang rasional.
- E** kesan yang muncul iaitu perasaan dan emosi baru yang membawa kepada tingkah laku positif.

Menurut Ellis (2011), manusia berupaya untuk menjaga dirinya, berfikir, bergembira, sayang menyayangi, berkomunikasi dengan orang lain, berkembang dan mengiktiraf diri sendiri. Manusia terdedah kepada gangguan emosi serta tingkah laku apabila mempunyai tanggapan tidak rasional tentang peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya atau kepercayaan pemikirannya tentang beberapa keutamaan seperti keinginan untuk disayangi, diiktiraf sebagai berjaya dan menganggap keutamaan tersebut sebagai keperluan yang utama yang wajib dipenuhi dalam hidup. Dalam teori REBT, klien digalakkan menerima kekurangan diri seadanya dan menerima secara positif limitasi tersebut dengan menukar cara berfikir. Rasional pengkaji memilih REBT untuk kajian ini kerana menurut Ellis (2011), teori ini amat sesuai digunakan dalam bidang psikopendidikan bagi mengurangkan tekanan emosi dan tingkah laku negatif iaitu dengan mencabar kepercayaan tidak rasional pelajar. Kajian Dryden (2009) dan Ellis (2011) menunjukkan kejayaan kaunseling menggunakan pendekatan teori ini mengubah pemikiran kognitif dalam masa yang singkat.

Menurut Corey (2009), REBT melihat kepada interaksi secara signifikan antara kognitif, emosi dan tingkah laku. Ketiga-tiganya mempunyai hubungan sebab dan akibat (*cause and effect relationship*). Walaupun ketiga-tiga saling mempengaruhi namun menurut Ellis aspek kognitif adalah paling mempengaruhi dan penentu utama kepada gangguan emosi dan kegembiraan klien (Dryden & Neenan, 2009). Menurut teori REBT, Ellis berpendapat manusia bermasalah bukan kerana peristiwa yang berlaku tetapi cara mereka berfikir tentang masalah tersebut (Kumar, 2009).

Pendekatan teori ini bercorak mengajar, mengarah dan mengutamakan pemikiran kognitif agar dapat menolak kepercayaan tidak rasional. Corey (2009) menyatakan teori REBT berlandaskan kepada andaian manusia dilahirkan dengan keupayaan untuk berfikir secara rasional dan tidak rasional. Kepercayaan tidak rasional akan menyebabkan timbul masalah emosi yang mempengaruhi cara mereka berfikir dan pada seterusnya terzahir pada perbuatan (Corey, 2009).


Dalam teori REBT punca tekanan emosi, masalah dan tingkah laku negatif dalam diri individu bukan kerana peristiwa dan masalah yang dialaminya tetapi kerana cara mereka berfikir tentang peristiwa dan masalah tersebut (Neenan, 2009). Pemikiran tidak rasional akan menyebabkan terbentuknya emosi tidak sihat dan tidak stabil yang mendorong kepada masalah akhlak dan tingkah laku (Dryden, 2010). Kepercayaan tidak rasional akan menyebabkan timbul masalah emosi yang mempengaruhi cara mereka berfikir dan pada seterusnya terzahir pada perbuatan (Banks, 2011). Ellis berpendapat menyalahkan diri sendiri adalah punca kepada masalah dan gangguan emosi (Krull & Hennemann, 2014).

Oleh itu bagi mengatasi masalah emosi dan personaliti (*personality disorders*) seseorang individu perlu berhenti menyalahkan diri sendiri. Ellis dalam terapi REBT mencabar kepercayaan tidak rasional klien dan mengajar klien mengenal pasti ayat bersifat menyalahkan diri sendiri. Apabila klien berada dalam gangguan emosi kaunselor REBT berperanan mengenal pasti kepercayaan tidak rasional dalam diri klien dengan memerhati pernyataan “mesti” (*dogmatic must*) dan “sepatutnya” (*absolute should*) yang diucapkan klien semasa sesi berlangsung. Kenyataan ini akan membentuk perasaan yang merosakkan emosi dan menyebabkan gangguan tingkah laku pada klien.

Reka Bentuk Modul REBTM

Modul REBT mempunyai sembilan sesi iaitu pra sesi melibatkan penstrukturan. Seterusnya sesi satu adalah pengenalan dan membina hubungan, sesi dua membina hubungan dengan lebih rapat dan penerokaan awal, sesi tiga adalah peringkat transisi iaitu penerokaan sistem kepercayaan tidak rasional. Sesi empat adalah proses ketua kelompok mengajar ahli kelompok memahami punca masalah melalui aplikasi ABCDE *Self Help form*. Kekuatan kaunseling teori REBT adalah terletak pada pemahaman ahli kelompok tentang pemikiran/kepercayaan tidak rasional yang mempengaruhi emosi serta tindakan ahli kelompok. Sesi lima, enam dan tujuh adalah sesi latihan kognitif yang bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran tidak rasional dan seterusnya menukar pemikiran tersebut kepada pemikiran rasional. Sesi lapan adalah peringkat penilaian sendiri dan merancang perubahan untuk terus berjaya serta bertindak positif. Sesi terakhir iaitu sesi sembilan adalah penamatan kelompok.

Dalam kajian ini tiga latihan (*homework*) yang diketengahkan dalam modul adalah berbentuk latihan kognitif. Tiga aktiviti latihan kognitif tersebut ialah *Triple Column*, Dialog Diri Rasional (*Change Self Verbalisation*) dan *Unconditional Positive Self Regards* (penerimaan tanpa syarat). Penilaian kerja rumah akan dilakukan oleh kaunselor bagi menentukan sejauh mana ahli kelompok memahami konsep pemikiran tidak rasional dan fungsi sistem ABC untuk membentuk pemikiran serta kepercayaan positif dalam setiap sesi yang dijalankan. Menurut Ellis (2011), penilaian tugas yang diberikan bertujuan agar ahli kelompok dapat berdepan dengan masalah di luar sesi dengan mengaplikasi kaedah merasionalkan diri dan membantu diri sendiri apabila terlibat dengan konflik. Keupayaan mengelak dari berperasaan dan berfikir tidak rasional walaupun tidak berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi adalah kejayaan yang perlu dihargai oleh ahli kelompok tersebut. Ringkasan reka bentuk modul REBTM adalah seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3

Reka Bentuk Modul REBTM

Proses penilaian kesahan kandungan dijalankan oleh enam orang pakar yang berpengalaman dalam teori REBT dan pembinaan modul. Peratus kesahan kandungan untuk modul REBTM paling tinggi diberikan oleh pakar lima iaitu 88% dan yang terendah adalah 76% diberikan oleh pakar kedua dan keenam. Manakala pakar-pakar lain memberikan peratus kesahan kandungan antara 80% ke 84%. Jumlah keseluruhan indeks kesahan kandungan adalah baik iaitu pada indek pekali .81. Bagi keputusan kebolehpercayaan modul alpha Cronbach menunjukkan pekali .92. Ini menunjukkan modul REBTM mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3

Peratus Penilaian Pakar bagi Kesahan Kandungan Modul REBTM

Pakar	Skor Pakar	Kesahan	
	(x/25)	%	Index
Pakar 1	21	84%	.84
Pakar 2	19	76%	.76
Pakar 3	20	80%	.80
Pakar 4	21	84%	.84
Pakar 5	22	88%	.88
Pakar 6	19	76	.76

Jumlah Keseluruhan Pencapaian $.813 \approx .8$ (1 d. p.)

*d. p.: decimal point

Perbincangan, Implikasi dan Cadangan

Sumbangan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling

Diharapkan dengan hasil kajian ini, kaunselor-kaunselor dapat mengaplikasi teori kaunseling REBT dalam proses menjadikan pelajar berdisiplin mengikut peraturan bukan sahaja di sekolah malah berakhlak mulia dengan individu di sekeliling mereka apabila berada di rumah atau dalam persekitaran masyarakat. Kaunseling REBT dalam kajian Bernard (2009), Collard dan O'Kelly (2011), Corey (2009), Mastura Mahfar (2011), Tan Hua Khim, Rusnani Abdul Kadir, Sidek Mohd Noah, dan Maznah Baba (2013) terbukti berkesan merawat pelajar yang mempunyai masalah disiplin, gangguan emosi, tekanan belajar, konsep sendiri yang rendah, bertingkah laku agresif dan meningkatkan kecerdasan emosi. Namun pendekatan kaunseling ini perlu dibuktikan sesuai untuk mengubah akhlak peribadi pelajar terhadap individu di sekeliling mereka dengan cara menukar kepercayaan dan pemikiran mereka.

Sumbangan kepada Pelajar

Keruntuhan akhlak dalam masyarakat mewujudkan pelbagai permasalahan disiplin di sekolah membabitkan pelajar remaja dalam masyarakat hari ini (Azlina Abdullah, 2010). Isu-isu pelajar remaja melawan kata serta berbohong kepada ibu bapa, bergaduh dengan rakan sebaya serta adik beradik, bercakap dengan nada kasar serta membantah arahan guru adalah contoh

masalah akhlak sosial yang memberi kesan negatif kepada imej masyarakat Islam. Menurut Md. Noor Saper (2012), guru kaunseling perlu menerapkan pendekatan psikologi dalam merawat akhlak peribadi pelajar. Oleh sebab itu, keberkesanan penggunaan kaunseling untuk meningkatkan akhlak sosial pelajar menggunakan intervensi modul merupakan satu perkembangan yang perlu diketengahkan bagi menghadapi pelbagai isu yang menjatuhkan imej khususnya masyarakat Islam. Pengkaji berharap kajian ini dapat mengenal pasti keberkesanan Teori REBT dalam menangani masalah keruntuhan akhlak pelajar, seterusnya mengurangkan masalah disiplin di sekolah yang akan memberi kesan kepada masyarakat serta negara Malaysia daripada akar umbi.

Penutup

Pendekatan kaunseling berasaskan modul diharap dapat merawat akhlak negatif dalam kalangan pelajar dengan mengenal pasti pemikiran tidak rasional mereka melalui teknik kaunseling teori REBT. Diharapkan dengan hasil kajian ini, kaunselor-kaunselor dapat mengaplikasi teori kaunseling REBT dalam proses menjadikan pelajar berdisiplin mengikut peraturan bukan sahaja di sekolah malah berakhlak mulia dengan individu di sekeliling mereka apabila berada di rumah atau dalam persekitaran masyarakat.

Rujukan

- Al-Ghazali, & Abu Hamid. (1979). *Mizan al – Amal*”. Dalam *Majid Fakhri. Al-Fikr al -Akhlai al-Arabi*. Mesir: Al- ahliyyah lial - Nashr wa al-Tawzi.
- Al-Ghazali, & Abu Hamid Muhammad. (1998). *Ihya ‘Ulum al-Din* (T. H. I. Yakub, Trans. 1 ed.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Asmawati Suhid, & Abdul Rahman Md. Aroff. (2006). Kepentingan persepsi guru dalam kurikulum adab dan akhlak Islam (AAI). *Jurnal Pendidikan, 26 (Malay)*, 211–223. Diakses daripada <http://myais.fsktm.um.edu.my/5306/>
- Azizi Yahaya, & Yusof Boon. (2007). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/2265/1/>
- Azlina Abdullah. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia . *Akademika, 78*, 3–14.
- Baharom Mohamad, & Ali Suradin. (2008). Peranan pendidikan Islam dan pendidikan moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 22–23*.
- Bernard, M. E. (2009). Dispute irrational beliefs and teach rational beliefs: An interview with albert ellis. *Journal of Rational - Emotive and Cognitive - Behavior Therapy*.

- Banks, T. (2011). Helping students manage emotions: REBT as a Mental Health Educational Curriculum. *Educational Psychology in Practice*.
- Corey, G. (2009). *Theory and practice in group counseling*. (8th ed.). USA: Brooks/Cole Thomson Learning.
- Cronbach, L. J. (1990). *Essentials of educational measurement*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Dryden, W., & Still, A. (1998). REBT and rationality: Philosophical approaches. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy*, 16(2), 77–99.
- Dryden, W., & Neenan, M. (2004). *Rational-emotive counseling in Action*. (3rd ed.). London, UK: Sage Publication Ltd.
- Ellis, A. (2000). Can Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) be effectively used with people who have devout beliefs in god and religion?. *Professional Psychology: Research and Practice*.
- Ellis, A. (2002). The relationship of Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) to Social Psychology. In *Journal of Rational-Emotive and Cognitive-Behavior Therapy*, 21, 5–20.
- Ellis, A. (2005). Can Rational-Emotive Behavior Therapy (REBT) and Acceptance and Commitment Therapy (ACT) resolve their differences and be integrated?. *Journal of Rational-Emotive and Cognitive - Behavior Therapy*, 23(2), 153–168.
- Ellis, A. (2011). Two REBT therapists and one client: Ellis transcript. *Journal of Rational-Emotive and Cognitive-Behavior Therapy*, 28(3), 118–129.
- Ellis, A., Shaugnessy, M., & Mahan, V. (2002). An interview with Albert Ellis on Rational Emotive Behavioral Therapy. *North American Journal of Psychology*, 4, 355–366.
- Fariza Md Sham. (2005). Tekanan emosi remaja Islam. *Islamiyyat*, 27, 3–23.
- Jamaludin Ahmad. (2002). *Kesahan, kebolehppercayaan, dan keberkesanan Modul Program Maju diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor*. Unpublished Philosophy of Doctorate Thesis. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kwee, M., & Ellis, A. (1998). The interface between Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) and Zen. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive Behavior Therapy*, 16, 5–43
- Krull, J., Wilbert, J., & Hennemann, T. (2014). The social and emotional situation of first graders with classroom behavior problems and classroom learning difficulties in inclusive classes. *American Psychological Association*, 12(2), 169–190.
- Kumar, G. (2009). Impact of Rational-Emotive Behaviour Therapy (REBT) on adolescents with Conduct Disorder (CD). *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 35, 103–111. Diakses daripada <http://medind.nic.in/jak/t09/s1/jakt09s1p103.pdf>

- Mastura Mahfar. (2011). *Kesan modul pendidikan rasional terhadap kepercayaan tidak rasional dan tekanan dalam kalangan pelajar Sekolah Berasrama Penuh di Johor, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Neenan, M. (2001). REBT 45 years on: Still on the sidelines. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive Behavior Therapy*, 19(1), 31–41.
- Neenan, M. (2008). Tackling procrastination: An REBT perspective for coaches. *Journal of Rational - Emotive and Cognitive - Behavior Therapy*, 26(1), 53–62.
- Neenan, M. (2009). *Developing resilience: A cognitive-behavioral approach*. Sussex, UK: Routledge.
- Norliza Hussin & Khadijah Abd Razak. (2013). Pembentukan akhlak Muslim menurut perspektif Islam. *3rd International Conference on Islamic Education*, 1195–1202.
- Md Noor Saper. (2011). *Pembinaan modul bimbingan “Tazkiyatun an Nafs ke atas Religiositi dan resiliensi pelajar sekolah menengah*. (Tesis tidak diterbitkan), Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Mohd Yusof Ali. (2010). *Amalan akhlak sosial islam remaja*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial. Pendekatan pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edu sistem Sdn. Bhd.
- Saralah Devi, M. (2010). *Tingkah laku agresif, kemurungan dan kecenderungan berubah dalam kalangan penghuni muda penjara di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tan Hua Khim, Rusnani Abdul Kadir, Sidek Mohd Noah, & Maznah Baba. (2013). Impak kaunseling kelompok berstruktur REBT terhadap tingkah laku ponteng kelas murid bermasalah disiplin, *Greduc*, 132-143.
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik generasi berakhlak mulia: Fokus peranan guru pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*, 79–95.